

**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DALAM KALANGAN PELAJAR PROGRAM SARJANA MUDA PENGAJIAN BAHASA AL-QURAN, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)****ONLINE TEACHING AND LEARNING TOWARDS STUDENT OF BACHELOR IN AL-QURAN LANGUAGE STUDIES PROGRAM, INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR (IIUCS)**

Normah Husin

<sup>1</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, [normah@kuis.edu.my](mailto:normah@kuis.edu.my)

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembedaan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

**Abstrak**

Kertas kajian rintis ini cuba untuk mengkaji pengajaran dan pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar program Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran terhadap di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Sejak dunia dilanda pandemik COVID 19, putaran kehidupan manusia umumnya dan bidang pendidikan khususnya telah berubah hampir 360 darjah. Bidang pendidikan tidak kira di peringkat rendah, menengah mahupun institusi pengajian tinggi mengalami perubahan dari sudut pelaksanaannya. Bagi tujuan pengumpulan data, borang soal selidik dalam talian telah diedarkan secara rawak kepada 30 orang pelajar Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran (ISBAQ) untuk mengkaji pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Hasil kajian mendapati 55% pelajar menegaskan pengajaran dan pembelajaran dalam talian memberi impak yang positif iaitu mudah dan cepat walau di mana berada tidak mengira masa, manakala 66% pelajar menyatakan aspek negatif pengajaran dan pembelajaran dalam talian disebabkan oleh masalah talian internet. Kesimpulannya, kajian mencadangkan beberapa langkah untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini seperti menyediakan peruntukan data internet RM50 sebulan khususnya bagi pelajar di luar bandar yang mempunyai masalah capaian internet yang mana disokong oleh 91% pelajar. Diantara syor yang dikemukakan yang mendapat perhatian pelajar sebanyak 87% untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran dalam talian adalah menaiktaraf capaian internet di seluruh negara terutamanya di kawasan pedalaman.

**Kata kunci**

Pengajaran dan pembelajaran dalam talian, institusi pengajian tinggi, peruntukan data internet, penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan menaiktaraf capaian internet.

**Abstract**

*This pilot study paper attempts to study online teaching and learning towards students of the Bachelor of Al-Quran Language Studies program on at the International Islamic University College Selangor (IIUCS). Since the world was hit by the COVID 19 pandemic, the cycle of human life in general and the field of education in particular has changed almost 360 degrees. The field of education, whether in primary, secondary or tertiary institutions, has undergone changes in terms of its implementation. For the purpose of data collection, online questionnaire forms were randomly distributed to 30 students of Bachelor of Quranic*

*Language Studies (ISBAQ) to identify the online teaching and learning. The results of the study found that 55% of students stressed that online teaching and learning has a positive impact that is easy and fast no matter where they are regardless of time, while 66% of students stated the negative aspects of online teaching and learning due to internet line problems. In conclusion, the study proposes several steps to overcome the problems faced by students during the online teaching and learning period such as providing internet data allocation of RM50 per month, especially for rural students who have internet access problems which is supported by 91% of students. Among the recommendations made that get the attention of students of 87% for the improvement of online teaching and learning is to upgrade internet access throughout the country, especially in rural areas.*

**Keywords**

*Online teaching and learning, institutions of higher learning, internet data allocation, improvement of online teaching and learning and internet access upgrading.*

**1. Pendahuluan**

Pengajaran dan pembelajaran dalam talian bukanlah satu fenomena baru dalam realiti pendidikan abad ke 21, malahan beberapa institusi pengajian tinggi yang menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran separuh masa yang membuka ruang kepada penjawat awan untuk menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian sejak sekian lama. Pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka yang telah dilaksanakan dalam bidang pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun institusi pengajian tinggi telah menjadi sebatian dan menjadi titik tolak hubungan ilmiah guru dan pelajarnya.

Namun dalam norma baru ancaman wabak yang tidak terlihat di pandangan mata kasar ini telah merubah segenap sudut kehidupan masyarakat dunia, malahan bidang pendidikan juga tidak terkecuali menerima anjakan yang sama sekali tidak terjangkau oleh akal fikiran.

Pelaksanaan pembelajaran atas talian ini memerlukan pelajar membina kemahiran pembelajaran sepanjang hayat. Pelajar tidak boleh lagi menggunakan set pemikiran dahulu iaitu menunggu cikgu atau pensyarah untuk bercakap atau berkuliah baharu mula belajar. Pelajar perlu menentukan apakah yang perlu dipelajari, mencari bahan yang telah guru atau pensyarah letak di platform pembelajaran maya seperti *Google Classroom* dan *e-learning* universiti, kemudian menyusun masa sendiri untuk meneliti bahan tersebut kemudian menyelesaikannya. Pelajar perlu belajar menyusun masa dan keutamaan, bahan mana yang perlu dipelajari dan diselesaikan terlebih dahulu, yang mana kemudian. (Fatin Aliah Phang: 2020)

Pengajaran dan pembelajaran dalam talian adalah salah satu indikator yang dilaksanakan hampir 100 peratus institusi pendidikan di Malaysia, tidak ketinggalan para pelajar program Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

## **2. Pernyataan Masalah**

Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang merupakan golongan bukan penutur asli bahasa ini dilihat masih banyak kekurangan yang perlu diperbaiki. Apatah lagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian merupakan cabaran terhebat untuk melihat kadar keberkesannya.

Pada Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan situasi pandemik akibat penularan sejenis virus baharu jenis Korona yang menyebabkan wabak COVID19. Selaras dengan pengisytiharan wabak ini, semua negara telah menutup semua sektor termasuklah sektor pendidikan. Langkah penutupan sektor pendidikan ini menyebabkan semua sekolah dan pusat pengajian tinggi ditutup bagi memutuskan rantaian penularan wabak yang berbahaya ini. Akibatnya, proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka yang telah diamalkan sejak zaman dahulu lagi secara terpaksa dihentikan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). (Ehwan Ngadi: 2020).

Jadi melalui kajian ini, penyelidik cuba mengupas pengajaran dan pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar program Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran terhadap di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dari aspek positif dan juga aspek negatif. Penyelidik juga mengesyorkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian di samping mencadangkan syor-syor penambahbaikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

## **3. Persoalan Kajian**

- 1- Apakah aspek-aspek positif pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian?
- 2- Apakah aspek-aspek negatif pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian?
- 3- Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian?
- 4- Apakah syor-syor yang boleh dicadangkan untuk menambah baik pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian?

## **4. Objektif Kajian**

- 1- Mengenalpasti aspek-aspek positif pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.
- 2- Mengenalpasti aspek-aspek negatif pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.
- 3- Mengesyorkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.
- 4- Mencadangkan syor-syor penambahbaikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

## 5. Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini adalah sampel dipilih secara persampelan bertujuan di mana semua mereka mempunyai maklumat dan berpengetahuan dalam menjawab soalan soal selidik yang dikemukakan Kajian ini melibatkan pelajar program Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran seramai 30 orang atau mewakili 30% daripada populasi sebenar.. Sampel diambil secara rawak dari pelajar di tahun kedua (semester 4) sebanyak 40% iaitu 12 orang pelajar, pelajar di tahun kedua (semester 3) sebanyak 33.33% iaitu 10 orang pelajar dan baki 26.66% iaitu lapan orang pelajar di tahun ketiga (semester 6). Pelajar-pelajar ini terdiri daripada 60% lepasan program Asasi KUIS, manakala lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) seramai 26.6% dan selebihnya 3.3% daripada program Diploma dari pelbagai institusi. Jantina pelajar yang memberi respon ke atas soal selidik yang diedarkan secara dalam talian iaitu seramai 8 orang pelajar lelaki mewakili 26.66%. Manakala selebihnya adalah pelajar perempuan seramai 22 orang mewakili 73.33%. Penyelidik mengedarkan borang soal selidik dalam talian kepada pelajar terbabit dan menganalisa hasil kajian setelah respon diperolehi dari pelajar.

## 6. Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian

Menurut Kamus Dewan edisi kedua, definisi dalam talian (*Online*) merupakan salah satu bentuk teknologi atau boleh juga dikatakan sebagai satu produk yang dihasilkan oleh teknologi sebagaimana diterangkan oleh (Finn: 1960), (Galbraith: 1967), (Heinich, Molenda dan Russell: 1989), (Romizowski:1988), dan telah dijelaskan sebelum ini. Berdasarkan definisi ini, difahami bahawa dalam talian merupakan sesuatu aktiviti yang melibatkan penyambungan kepada sesuatu sistem bagi alatan teknologi tertentu (iaitu; komputer), dan sistem itu biasanya adalah internet.

Perkembangan pesat teknologi pada hari ini telah memberi impak yang sangat besar kepada hampir kesemua sistem di seluruh pelusok dunia. Kemajuan teknologi ini bukan sahaja memudahkan proses sesuatu sistem dan meningkatkan kualiti dan kuantiti penghasilan, bahkan ia mempercepatkan lagi aliran kerja. Di samping itu, penggunaan teknologi juga dilihat lebih menarik dan efisien. Melalui perkembangan sihat ini, pelbagai pihak mula mengambil perhatian serius terhadap teknologi dan dikaitkan kepada pelbagai bidang. Antara bidang yang menjadi tumpuan ialah bidang pendidikan, yang mana para tenaga pengajar mula menekankan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di pelbagai peringkat pengajian. Penggunaan teknologi dalam P&P, atau istilah "teknologi pendidikan" mula dilaksanakan secara meluas sama ada di peringkat sekolah, mahupun di peringkat pengajian tinggi. Bertepatan dengan saranan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM - sekarang dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Malaysia) agar dibudayakan penggunaan teknologi dalam P&P peringkat sekolah (<http://www.moe.gov.my/v/profil-jabatan?div=4>, 28 Januari 2014), para pelatih pendidik di institut pendidikan guru (IPG) telah didedahkan dengan pelbagai kemahiran berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam P&P, seperti; penggunaan aplikasi atau perisian dan alat bantu mengajar (komputer, projektor, LCD).

*Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014  
(INSAN2014) Batu Pahat, Johor, 9 – 10 April 2014 3*

*Muhammad Sabri Sahrir (2013), di dalam jurnal bertajuk: Al-Al'ab Al-Lughawiyah Al-Muhwasabah fi Ta'alum Al-Lughah Al-'Arabiyyah Li Al-Natiqin bighayriha bayna Al-Nazariyyah wa Al-Tatbiq: Al-Jami'ah Al-Islamiyyah Al-'Alamiyyah bi Maliziya Namuzajan (Permainan Bahasa Berkomputer dalam Pembelajaran Bahasa Arab bagi Penutur Bukan Arab di antara Teori dan Aplikasi: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), telah membentangkan penerangan terperinci berkenaan permainan bahasa berkomputer terutamanya yang berasaskan laman sesawang (website), di samping menyenaraikan hampir keseluruhan capaian-capaian yang ada dan boleh disesuaikan untuk kegunaan pembelajaran bahasa Arab. (Ahmad Zaki bin Amiruddin, Ahmed Thalal bin Hassan, Ahmad bin Abdul Rahman, Nor binti Abdul Rahman, Mohd Shahrman bin Abu Bakar: 2014)*

Pelajaran amat penting untuk menjamin masa hadapan kita. Banyak kaedah digunakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, juga di sekolah-sekolah untuk menjamin kualiti pelajar. Walaupun situasi pandemik COVID-19 melanda dunia, turut berlaku implikasi pengajaran dan pembelajaran (p&p) secara drastik daripada kebiasaannya.

*Rentetan pengumuman kerajaan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020. Pindaan p&p berlaku dengan beberapa kaedah baru dalam talian iaitu: kaedah penyampaian, aktiviti p&p, kaedah penilaian dan pentaksiran serta proses peperiksaan akhir semester bagi mencapai hasil pembelajaran (learning outcomes) yang telah dirangka dan kaedah perekodan kehadiran pelajar. (Zalika Adam: 2020).*

*Dalam usaha untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran, warga pendidik mula menggunakan opsyen untuk menjalankan kelas secara atas talian. Pelbagai kekusaran yang timbul apabila ingin melaksanakan kaedah pembelajaran secara atas talian ini. Ada murid yang tidak mempunyai gajet atau telefon pintar peribadi, ada yang tidak mempunyai cukup data internet dan ada pula yang tidak mempunyai capaian internet langsung. Bagi pendidik pula, wujud kesangsian platform manakah yang sesuai untuk menjalankan pembelajaran secara atas talian dan kebanyakannya menggunakan kaedah cuba jaya, iaitu menggunakan mana-mana platform dan lihat kepada kesesuaian. (Ehwan Ngadi: 2020).*

*Pada zaman digital dan globalisasi ini, perkembangan ICT menuntut agar perubahan dibuat ke atas kaedah mengajar dan belajar. Perkembangan terkini menyaksikan ICT menjadi alat pemangkin utama untuk menyebarkan dan menyimpan*

*maklumat dan seterusnya membantu pelajar membina pengetahuan baru (Lechner & Boli: 2000).*

### Hasil Kajian Dan Perbincangan

<b>Rajah 3:</b>						
<b>Aspek-Aspek Positif Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian</b>						
<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Sangat bersetuju</b>	<b>Bersetuju</b>	<b>Tidak Pasti</b>	<b>Tidak Bersetuju</b>	<b>Sangat tidak Bersetuju</b>
		<b>%</b>	<b>%</b>	<b>%</b>	<b>%</b>	<b>%</b>
1	Fleksibel, pembelajaran tanpa sempadan	43.0	32.0	15.0	10.0	0.00
2	Mudah dan cepat walau dimana berada tidak mengira masa	55.0	35.0	8.0	2.0	0.00
3	Penggunaan kaedah baru dalam teknologi maklumat	41.0	39.0	19.0	1.0	0.00
4	Bentuk komunikasi dan interaksi baru	40.0	35.0	23.0	2.0	0.0
5	Minda dan pemikiran yang lebih kreatif	38.0	30.0	30.0	1.0	1.0
6	Pelajar boleh mengulang-kaji secara berulang kali melalui rakaman	37.0	33.0	30.0	0.0	0.0
7	Boleh menjimatkan pelbagai kos dan meluangkan lebih masa bersama keluarga	35.0	32.0	31.0	2.0	0.0
8	Meningkatkan akses kepada sumber atau bahan dengan cepat dan mudah	34.0	31.0	26.0	9.0	0.0

9	Dapat mengurangkan penggunaan bahan-bahan seperti kertas.	28.0	31.0	26.0	15.0	0.0
---	---	------	------	------	------	-----

### 7. Aspek-Aspek Positif Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian

Rajah 3 merujuk kepada aspek-aspek positif pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian, item kedua iaitu mudah dan cepat walau di mana berada tidak mengira masa mengungguli dengan 55% pelajar sangat bersetuju dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian, diikuti 35% pelajar bersetuju, 8% tidak pasti dan hanya 2% sahaja tidak bersetuju. Manakala 43% pelajar sangat bersetuju dengan item fleksibel, pembelajaran tanpa sempadan, 32% bersetuju, 15% pelajar tidak pasti dan 10% tidak bersetuju. Penggunaan kaedah baru dalam teknologi maklumat menunjukkan 41% pelajar sangat bersetuju, 39% bersetuju, 19% tidak pasti dan hanya 1% tidak bersetuju. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian mendatangkan bentuk komunikasi dan interaksi baru kepada para pelajar dengan 40% sangat bersetuju, 35% bersetuju, 23% tidak pasti dan 2% tidak bersetuju. Tidak dinafikan minda dan pemikiran yang lebih kreatif menjadi aspek yang positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian dengan 38% pelajar sangat bersetuju, 30% bersetuju, 30% tidak pasti, manakala 1% menyatakan tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Selain itu, aspek positif yang tidak dapat disangkal lagi adalah pelajar boleh mengulangkaji setiap topik dalam kursus-kursus tertentu secara berulang kali melalui rakaman. Ini dipersetujui oleh 37% pelajar, 33% bersetuju dan 30% tidak pasti. 35% pelajar menyatakan sangat bersetuju pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian boleh menjimatkan pelbagai kos yuran pengajian, penginapan asrama, kos sara diri dan sebagainya di samping dapat meluangkan lebih masa bersama keluarga. Manakala 32% juga bersetuju, 31% tidak pasti dan hanya 2% tidak bersetuju. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian meningkatkan akses kepada sumber atau bahan dengan cepat dan mudah dengan menggunakan teknologi terkini, yang mana pandangan ini disokong 34% pelajar menyatakan sangat bersetuju, 31% bersetuju, 26% tidak pasti dan 9% tidak bersetuju.

*Selain membendung penularan wabak COVID-19, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara maya atau dalam talian perlu dilaksanakan sepenuhnya di negara ini kerana ia banyak memberi faedah dan manfaat kepada semua pihak terutamanya pelajar, seperti dapat mengurangkan penggunaan bahan-bahan seperti kertas. (Muzaffar Syah Mallow: 2020).*

Pandangan ini dipersetujui oleh pelajar dengan 28% menyatakan sangat bersetuju, 31% bersetuju, 26% tidak pasti dan hanya 15% tidak bersetuju. Logiknya bahan pengajaran, tugas malahan ujian dan peperiksaan dilaksanakan dalam talian tanpa menggunakan kertas membuktikan pandangan pensyarah kanan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini.

<b>Rajah 4:</b>						
<b>Aspek-Aspek Negatif Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian</b>						
<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Sangat bersetuju</b>	<b>Bersetuju</b>	<b>Tidak Pasti</b>	<b>Tidak Bersetuju</b>	<b>Sangat tidak Bersetuju</b>
		<b>%</b>	<b>%</b>	<b>%</b>	<b>%</b>	<b>%</b>
1	Masalah talian internet	66.0	34.0	0.0	0.00	0.00
2	Pelajar kurang fokus & kurang berdisiplin	49.0	25.0	15.0	11.0	0.0
3	Respon dari pelajar terhadap	40.0	25.0	19.0	13.0	3.0
4	Berlakunya penipuan dan tidak amanah ketika melaksanakan ujian dan tugas dalam talian	46.0	30.0	18.0	6.0	0.0
5	Dari sudut psikologi: emosi terganggu dan terjejas	42.0	23.0	17.0	13.0	5.0
6	Aras peningkatan pelajar menurun disebabkan terikat dengan kerja-kerja rumah yang lain	43.0	25.0	20.0	10.0	2.0
7	Suasana pembelajaran di rumah yang tidak kondusif	42.0	28.0	20.0	7.0	3.0
8	Kekurangan kemahiran mengendalikan teknologi dalam kalangan pensyarah dan juga pelajar	47.0	32.0	15.0	6.0	0.0
9	Lambakan tugas dalam	41.0	38.0	15.0	6.0	0.0

	satu-satu masa					
10	Kesukaran untuk melaksanakan tugas berkumpul	39.0	30.0	28.0	3.0	0.0

### 8. Aspek-Aspek Negatif Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian

Rajah 4 merujuk kepada aspek-aspek negatif pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian, 66% pelajar berpandangan masalah talian internet adalah faktor utama yang mengundang kepada aspek negatif ini, manakala 34% pelajar lagi bersetuju dengan pandangan yang sama. Pelajar kurang fokus dan kurang berdisiplin adalah aspek yang tidak boleh dinafikan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian dengan mendapat sokongan 49% pelajar, diikuti 25% pelajar bersetuju, 15% lagi tidak pasti dan berbaki 11% tidak bersetuju.

*Dalam menempuh norma baru ini, tidak dinafikan kekurangan kemahiran mengendalikan teknologi dalam kalangan pensyarah dan juga pelajar (Fitri Nurul'ain Nordin & Tg Ainul Farha Bt Tg Abdul Rahman: 2020) menjadi punca timbulnya masalah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.*

47% pelajar sangat bersetuju dengan pandangan yang dinyatakan, 32% bersetuju, 15% tidak pasti dan 6% tidak bersetuju. Berlakunya penipuan dan tidak amanah ketika melaksanakan ujian dan tugas dalam talian juga menjadi cabaran utama para pendidik disebabkan kepercayaan adalah terletak 100% kepada pelajar. 46% pelajar sangat bersetuju dengan pendapat ini, 30% bersetuju, 18% tidak pasti dan hanya 6% tidak bersetuju. Aras peningkatan pelajar menurun disebabkan terikat dengan kerja-kerja rumah yang lain merupakan faktor yang menyumbang kepada aspek negatif pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Terdapat sebilangan pelajar cemerlang pada semester sebelum ini (ketika pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bersemuka) yang mana momentumnya menurun secara mendadak atas faktor yang dinyatakan di atas, dan ini dibuktikan dengan 43% pelajar sangat bersetuju, 25% bersetuju, 20% tidak pasti dan 10% tidak bersetuju. 42% pelajar bersepat menyatakan mereka sangat bersetuju suasana pembelajaran di rumah yang tidak kondusif juga faktor penyumbang, diikuti 28% juga bersetuju, 20% tidak pasti dan 7% tidak bersetuju. Dari sudut psikologi, pelaksanaan pengajaran & pembelajaran dalam talian menyebabkan emosi pelajar terganggu dan terjejas malah boleh mengundang kepada kemurungan sekiranya tidak dikawal dari awal. Faktor ini berlaku disebabkan pelajar merasa rendah diri, tiada keyakinan diri dan tiada lagi sokongan dan dokongan dari rakan-rakan. 42% pelajar sangat bersetuju dengan kenyataan di atas, 23% bersetuju, 17% tidak pasti dan 13% dan 5% mewakili pelajar yang tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Dalam memenuhi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini, lambakan tugas dalam satu-satu masa menjadi isu yang agak besar yang mana

semua subjek tertumpu dalam satu platform dan mengakibatkan lambakan tugas menjadi tidak terkawal sekiranya para pelajar tidak menguruskan masa dengan baik. 41% pelajar sangat bersetuju dengan pernyataan dia atas, 38% bersetuju, 15% tidak pasti dan berbaki 6% tidak bersetuju. Respon daripada pelajar terhadap juga aspek negatif pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian, ini adalah kerana ada ketikanya hanya guru yang memberi syarahan manakala pelajar tidak berada secara fizikal dalam alam maya. 40% pelajar sangat bersetuju, 25% bersetuju, 19% tidak pasti, 13% tidak bersetuju dan hanya 3% sangat tidak bersetuju. Pelajar juga berpandangan mengalami kesukaran untuk melaksanakan tugas berkumpulan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian disebabkan faktor fizikal dan jarak yang berbeza-beza. Ini dibuktikan dengan 39% pelajar sangat bersetuju dan menyatakan kebimbangan kerana faktor ini membuka peluang kepada pelajar untuk mengambil kesempatan atas kelemahan rakan yang lain, 30% lagi bersetuju, 28% tidak pasti dan 3% tidak bersetuju.

**Rajah 5:**

**Langkah-Langkah Yang Boleh Diambil Untuk Mengatasi Masalah Yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian**

Bil	Item	Sangat bersetuju %	Bersetuju %	Tidak Pasti %	Tidak Bersetuju %	Sangat tidak Bersetuju %
1	Menyediakan internet percuma yang bersasar kepada P&P dalam talian	80.0	20.0	0.0	0.0	0.0
2	Menyediakan peruntukan data internet RM50 sebulan khususnya bagi pelajar di luar bandar yang mempunyai masalah capaian internet	91.0	9.0	0.0	0.0	0.0
3	Pihak universiti membuka ruang untuk mahasiswa yang berkeperluan untuk menginap di asrama	71.0	26.0	3.0	0.0	0.0
4	Menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) sebagai alternatif bagi pelajar yang	44.0	25.0	31.0	0.0	0.0

	mempunyai masalah capaian internet					
5	Pelajar terutamanya perlu menyediakan jadual belajar sendiri, elakkan penyalahgunaan internet untuk tujuan-tujuan lain	45.0	35.0	20.0	0.0	0.0

### 9. Langkah-Langkah Yang Boleh Diambil Untuk Mengatasi Masalah Yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian

Dalam rajah 5, pengkaji mengutarakan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Item yang kedua mendapat persetujuan yang tertinggi daripada pelajar dengan 91% sangat bersetuju iaitu menyediakan peruntukan data internet RM50 sebulan khususnya bagi pelajar di luar bandar yang mempunyai masalah capaian internet dan 9% juga bersetuju. Menyediakan internet percuma yang bersasar kepada pengajaran dan pembelajaran dalam talian juga merupakan langkah yang disokong penuh oleh para pelajar dengan 80% sangat bersetuju dan 20% bersetuju. Pihak universiti membuka ruang untuk mahasiswa yang berkeperluan untuk menginap di asrama adalah langkah yang cakna yang diambil oleh kebanyakan universiti awam dan swasta di Malaysia. 71% pelajar menyatakan persetujuan yang sangat tinggi, 26% pelajar bersetuju dan hanya 3% sahaja tidak pasti. Pelajar terutamanya perlu menyediakan jadual belajar sendiri, elakkan penyalahgunaan internet untuk tujuan-tujuan lain adalah langkah yang proaktif untuk mengatasi masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Pelajar mestilah mempunyai disiplin yang tinggi seolah-olah mereka berada di kampus universiti masing-masing walaupun keberadaan mereka hanyalah di lama maya. 45% pelajar sangat bersetuju dengan langkah yang dinyatakan di atas, 35% pelajar bersetuju manakala 20% tidak pasti. 44% sangat bersetuju dengan penggunaan khidmat pesanan ringkas (SMS) sebagai alternatif bagi pelajar yang mempunyai masalah capaian internet walaupun kaedah ini dianggap ketinggalan zaman, akan tetapi sekurang-kurangnya ada usaha yang ditunjukkan oleh pelajar. 25% pelajar juga bersetuju dan selebihnya 31% tidak pasti.

Rajah 6: Syor-Syor Penambahbaikan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian.						
Bil	Item	Sangat bersetuju	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju	Sangat tidak Bersetuju
		%	%	%	%	%
1	Guru sebagai pemudahcara,	65.0	33.0	2.0	0.0	0.0

	sebagai contoh memberi jangka masa yang sesuai kepada pelajar dalam usaha untuk menyiapkan tugas, tidak mengharapkan respon segera khususnya pelajar yang mempunyai masalah capaian internet					
2	Mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam talian, tidak hanya tertumpu kepada satu cara	55.0	43.0	2.0	0.00	0.00
3	Menaiktaraf capaian internet di seluruh negara terutamanya di kawasan pedalaman	87.0	13.0	0.0	0.0	0.0
4	Pengajaran dan pembelajaran tidak segerak (asynchronous) iaitu pembelajaran tidak berlaku pada masa sebenar	62.0	38.0	0.0	0.0	0.0
5	Menetapkan had maksimum pengajaran dan pembelajaran dalam talian selama satu jam sahaja untuk setiap kursus	75.0	25.0	0.0	0.0	0.0

**10. Syor-Syor Penambahbaikan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian.**

Penyelidik juga mengutarakan syor-syor penambahbaikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian dalam rajah 6. Di antara syor yang mendapat perhatian para pelajar adalah menaiktaraf capaian internet di seluruh negara terutamanya di kawasan pedalaman. Syor ini adalah bertujuan untuk memberi peluang sama rata kepada semua pelajar menghadiri pengajaran dan pembelajaran dalam talian walau di mana sahaja mereka berada. 87% pelajar sangat bersetuju dengan syor ini manakala berbaki 13% juga bersetuju. Menetapkan had maksimum pengajaran dan pembelajaran dalam talian selama satu jam sahaja untuk setiap kursus bagi menjimatkan penggunaan data internet pelajar dan mengelakkan pelajar cepat bosan adalah syor untuk menambah baik pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang mana 75% pelajar sangat bersetuju dan baki 25% juga menyatakan persetujuan. 65% pelajar sangat bersetuju guru sebagai pemudahcara, sebagai contoh memberi jangka masa yang sesuai kepada pelajar dalam usaha untuk menyiapkan tugas, tidak mengharapkan respon segera khususnya pelajar yang mempunyai masalah capaian internet, 33% bersetuju dan hanya 2% sahaja tidak pasti. Pengajaran dan pembelajaran tidak segerak (asynchronous) iaitu pembelajaran tidak berlaku pada masa sebenar juga merupakan syor yang disokong penuh oleh pelajar mewakili 62% pelajar sangat bersetuju dan 38% pelajar bersetuju. Di antara syor yang dipersetujui oleh pelajar sebanyak 55% sangat bersetuju adalah mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam talian, tidak hanya tertumpu kepada satu cara. Ini adalah cabaran besar buat para pendidik untuk menaiktaraf kemampuan menggunakan teknologi terkini. 43% pelajar juga menyatakan persetujuan mereka dan berbaki 2% pelajar tidak pasti dengan syor yang dikemukakan.

## 11. Kesimpulan

Memandangkan kajian ini adalah satu kajian awal, maka pengkaji berharap agar satu kajian berbentuk empirikal yang lebih mendalam dilaksanakan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Ini sekaligus dapat menambahbaik kaedah pengajaran dan pembelajaran mengikut norma baru yang telah menjadi kelaziman kepada semua yang terlibat dalam menentukan hasil pembelajaran yang lebih cemerlang demi kelangsungan pengajaran & pembelajaran dalam talian. Secara keseluruhannya, pengajaran dan pembelajaran dalam talian boleh dilaksanakan dalam sistem pendidikan di Malaysia kerana ianya adalah satu perkhidmatan dan kemudahan yang membekalkan pengguna dengan maklumat elektronik secara am dan kandungan pendidikan yang membantu pencarian tanpa mengira masa dan tempat.

## Rujukan

- Abd Hadi Bin Harun (2014), Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek Secara Atas Talian Ke Atas Sikap, Pengetahuan Dan Tingkah Laku Pelajar Terhadap Tenaga Diperbaharu, USM.
- Ahmad Zaki bin Amiruddin, Ahmed Thalal bin Hassan, Ahmad bin Abdul Rahman, Nor binti Abdul Rahman, Mohd Shahrman bin Abu Bakar (2014). Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014), Batu Pahat, Johor.

- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. (1985). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institusi Pengajian Tinggi: Perbandingan Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis.
- Fatin Aliah Phang. (2020). Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat, UTM.
- Fitri Nurul'ain Nordin & Tg Ainul Farha Bt Tg Abdul Rahman (2020), Strategi Pembelajaran Bahasa Atas Talian Pasca COVID19, UITM. Prosiding International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2020) Kolej Universiti Islam Antarabangs Selangor (KUIS).
- Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim (2012). Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), Universiti Kebangsaan Malaysia, 130-138.
- Muhammad, Azhar dan Jasmi, Kamarul Azmi dan Mustari (2012). Prosiding Persidangan Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012), Senai Johor Bahru.
- Muhammad Sabri Sahrir (2013), Al-Al'ab Al-Lughawiyah Al-Muhwasabah fi Ta'alum Al-Lughah Al-'Arabiyyah Li Al-Natiqin bighayriha bayna Al-Nazariyyah wa Al-Tatbiq: Al-Jami'ah Al-Islamiyyah Al-'Alamiyyah bi Maliziya Namuzajan (Permainan Bahasa Berkomputer dalam Pembelajaran Bahasa Arab bagi Penutur Bukan Arab di antara Teori dan Aplikasi: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014) Batu Pahat, Johor.
- Muammar & Majdi (2005), Istikhdam Al-Hasub Fi At-Ta'lim, Wazaroh At-Tarbiyyah Wa At-Ta'lim Al-'Ali, Palestin.
- Mukhtar & Ibrahim Sulaiman Ahmad (2006), Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah 'Ibra As-Syabakah Al-'Alamiyyah, Pusat Penyelidikan, UIAM.
- Muzaffar Syah Mallow (2020), Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian, USIM. Tinta Minda, Kolumnis BERNAMA.
- Norliza Binti A.Rahim (2013), Penggunaan Mobile Learning (M-Learning) Untuk Tujuan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan UTHM, UTHM.
- Rafiza Bt Abdul Razak. (2013). Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif Atas Talian Dalam Analisis Novel Bahasa Melayu, UM, Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik.
- Salim & Raidah Khalil (2008), Tiknulujija At-Ta'lim, Oman, Maktabah Al-Mujtama' Al-Arabiyy Wa Ar-Riyadh: Dar Ajnadiin: At-Tab'ah Al-U'la.
- Zalika Adam (2020), <https://today.salamweb.com/ms/pelajar-dan-kaedah-pembelajaran-dalam-talian/>